



**SUHAKAM SAMBUT BAIK GENCATAN SENJATA, SERU AKAUNTABILITI DAN  
PENGANTUNGAN PERJANJIAN PERSATUAN EU-ISRAEL**

**KUALA LUMPUR (11 APRIL 2026)** - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) mengalu-alukan pengumuman gencatan senjata dalam konflik berterusan di Asia Barat dan berharap ia dapat menghentikan segera penderitaan yang ditanggung oleh orang awam, khususnya wanita dan kanak-kanak.

Walaupun perkembangan ini merupakan satu langkah positif, SUHAKAM menegaskan bahawa gencatan senjata semata-mata tidak mencukupi tanpa langkah akauntabiliti yang berkesan terhadap semua dakwaan pelanggaran undang-undang hak asasi manusia antarabangsa sepanjang konflik tersebut.

SUHAKAM amat bimbang terhadap laporan bahawa tahanan Palestin berdepan dengan hukuman mati secara besar-besaran, dengan dakwaan bahawa ribuan individu mungkin akan dikenakan hukuman tersebut. Dalam hal ini, SUHAKAM menyuarakan sokongan terhadap kebimbangan oleh Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (OHCHR), yang memberi amaran bahawa langkah perundangan yang membolehkan pelaksanaan hukuman mati terhadap rakyat Palestin berkemungkinan membentuk suatu rejim hukuman mati yang bersifat diskriminasi, yang jelas bercanggah dengan undang-undang antarabangsa. Langkah sedemikian menimbulkan pelanggaran serius dan sistemik terhadap hak proses wajar, termasuk penafian jaminan perbicaraan adil dan kebebasan badan kehakiman. Pelaksanaan hukuman mati yang disasarkan kepada kumpulan tertentu juga boleh dianggap sebagai hukuman kolektif dan merupakan pelanggaran serius undang-undang kemanusiaan serta undang-undang hak asasi manusia antarabangsa, malah boleh mencapai tahap jenayah antarabangsa.

Pelaksanaan hukuman mati secara diskriminasi, yang dilaporkan dikenakan secara eksklusif terhadap rakyat Palestin, merupakan satu pelanggaran serius terhadap hak asasi manusia, termasuk hak untuk hidup, kesamarataan di sisi undang-undang, serta hak kepada perbicaraan yang adil.

Sehubungan itu, SUHAKAM menyeru Kesatuan Eropah (EU) untuk segera mengkaji semula dan menggantung Perjanjian Persatuan EU-Israel, selaras dengan komitmen hak asasi manusia. Hubungan ekonomi yang diteruskan dalam keadaan wujudnya dakwaan pelanggaran serius berisiko menjejaskan integriti piawaian hak asasi manusia antarabangsa.

SUHAKAM turut menggesa masyarakat antarabangsa untuk mengambil langkah segera dan konkrit bagi memastikan perlindungan orang awam, menegakkan kedaulatan undang-undang, serta menjamin akauntabiliti terhadap semua pelanggaran tanpa sebarang pengecualian. Keamanan yang adil dan berkekalan hanya dapat dicapai melalui pematuhan sepenuhnya terhadap undang-undang antarabangsa, penghormatan terhadap maruah manusia, dan perlindungan hak asasi untuk semua.

**-TAMAT-**

**Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)  
11 April 2026**